



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KESEDIAAN DAN PELAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS
TINGGI DALAM KALANGAN GURU CEMERLANG SEJARAH***

SIVAPAKKIAM A/P RAMASAMY

FPP 2017 31



**KESEDIAAN DAN PELAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS
TINGGI DALAM KALANGAN GURU CEMERLANG SEJARAH**

Oleh

SIVAPAKKIAM A/P RAMASAMY

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Mei 2017

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

KESEDIAAN DAN PELAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM KALANGAN GURU CEMERLANG SEJARAH

Oleh

SIVAPAKKIAM A/P RAMASAMY

Mei 2017

Pengerusi : Fadzilah binti Abd Rahman, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merupakan salah satu keperluan utama untuk melahirkan insan yang berupaya menghadapi cabaran kehidupan pada peringkat global. Justeru, kemahiran ini telah diiktiraf sebagai salah satu kemahiran utama daripada enam aspirasi murid berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk merealisasikan pelaksanaan KBAT mula mendapat perhatian serius sejak tahun 2013. KBAT merupakan kesinambungan pelaksanaan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) yang telah diperkenalkan oleh KPM sejak tahun 1994. Kebanyakan guru Sejarah kurang bersedia untuk melaksanakan pembelajaran dan pengajaran (PdP) berunsur KBAT. Dalam menangani isu ini, kepakaran Guru Cemerlang Sejarah (GCS) belum dimanfaatkan sepenuhnya oleh pihak terlibat. Ilmu KBAT dalam kalangan GCS belum dipantau oleh mana-mana pihak untuk mengenal pasti kesediaan mereka dalam melaksanakan KBAT dan keupayaan mereka menjadi pakar rujuk kepada guru biasa. Penyelidikan kualitatif ini dijalankan untuk mengkaji kesediaan dan pelaksanaan KBAT dalam kalangan GCS. Secara khusus kajian ini merangkumi tiga objektif utama iaitu yang pertama mengenal pasti kesediaan GCS daripada segi pengetahuan deklaratif, pengetahuan prosedural dan disposisi pemikiran untuk menerapkan KBAT dalam kalangan murid. Kedua, untuk mengenal pasti ciri-ciri KBAT yang diaplikasikan dalam PdP yang dilaksanakan oleh GCS dan yang ketiga adalah untuk mengenal pasti kaedah pengajaran yang diaplikasi oleh GCS untuk menerapkan KBAT dalam kalangan murid. Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kes di mana kes yang terlibat ialah kesediaan dan pelaksanaan KBAT dalam kalangan GCS. Sampel kajian terdiri daripada enam orang GCS dari pelbagai lokasi. Kajian ini melibatkan prosedur pensampelan bertujuan di mana GCS yang dipilih memenuhi ciri-ciri tertentu berdasarkan objektif kajian yang ditentukan. Data kajian diperoleh melalui kaedah triangulasi iaitu kaedah pemerhatian PdP dalam kelas, temu bual dan analisis dokumen berkaitan. Analisis data dilakukan menggunakan perisian ATLAS.ti 7.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua GCS terlibat menunjukkan

kesediaan yang cukup mantap merangkumi ilmu pengetahuan deklaratif, pengetahuan prosedural dan disposisi pemikiran. Dapatan kajian menunjukkan GCS mengaplikasikan teknik gabungan beberapa ciri KBAT untuk membantu pelaksanaan KBAT secara berkesan. Analisis dapatan kajian juga menunjukkan GCS kerap mengaplikasikan kaedah penyoalan sokratik dan kaedah perbincangan sebagai kaedah utama pelaksanaan KBAT dalam PdP. Selain itu, kemahiran mengintegrasikan teori kognitif dan teori pembelajaran secara terancang dalam PdP harian membantu GCS melaksanakan KBAT secara efektif dan menggalakkan penglibatan aktif murid. Kajian ini dapat memberi sumbangan kepada pihak KPM untuk menilai peranan GCS dalam membantu menangani masalah penerapan KBAT dalam kalangan guru Sejarah. Kepakaran GCS boleh dijadikan sumber rujukan kepada guru biasa. Kajian ini dapat memberi implikasi daripada segi teori untuk memantapkan lagi pelaksanaan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah dan secara praktikal kepada pihak KPM, guru dan murid untuk memastikan pelaksanaan KBAT mencapai matlamat yang dihasratkan.

Kata kunci: kemahiran berfikir aras tinggi, kesediaan, pelaksanaan, deklaratif, prosedural, disposisi, ciri-ciri KBAT, kaedah pengajaran

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

READINESS AND IMPLEMENTATION OF HIGHER ORDER THINKING SKILLS AMONG HISTORY EXCELLENT TEACHERS

By

SIVAPAKKIAM A/P RAMASAMY

May 2017

Chairman : Fadzilah binti Abd Rahman, PhD
Faculty : Educational Studies

Higher order thinking skills (HOTS) is one of the necessity in producing individuals who will be able to face life challenges at the global level. Hence, HOTS has been acknowledged as one of the important skills out of the six students' aspirations based on the Malaysian Education Blueprint 2013-2025. The efforts in implementing HOTS by the Ministry of Education Malaysia has seen its importance since the year 2013. HOTS is the continuation on the implementation of critical and creative thinking skills (CCTS) which was introduced by the Ministry of Education since 1994. Most history teachers are not ready to implement HOTS in their teaching and learning processes. In overcoming this issue, the role of History Excellent teachers has not been fully utilized in their knowledge on HOTS. These Excellent teachers' knowledge on HOTS have not been monitored to identify their readiness in implementing HOTS and also their ability to be the point of reference to other history teachers. This qualitative research study was conducted to identify readiness and implementation of HOTS among History Excellent Teachers. Specifically, this study comprised three main objectives, the first is to examine the readiness of History Excellent Teachers in terms of declarative knowledge, procedural knowledge and thinking disposition. Secondly, is to identify the characteristics of HOTS in the teaching and learning process of History Excellent Teachers and third is to identify the teaching methods used by Excellent Teachers in implementing HOTS in the History subject. The researcher used the case study design which involved the readiness and implementation of HOTS among History Excellent Teachers. The sample of this study consisted of six History Excellent Teachers from various location. This study employed purposive sampling procedure where the identified Excellent Teachers were selected based on certain criteria. Data was obtained through triangulation method includes observation in class, interviews and analysis of related documents. Data was analyzed using the ATLAS.ti 7.0. software. The findings showed that all History Excellent Teachers involved in this study have sufficient declarative knowledge, procedural knowledge and thinking disposition. The findings also showed that the combined techniques of several HOTS

characteristics applied by the Excellent teachers have allowed for successful implementation of HOTS. The findings also showed that these Excellent Teachers frequently apply Socratic questioning and discussion technique as the main approaches in implementing HOTS in their teaching and learning. Besides that, the skills in integrating a planned cognitive and learning theories in the teaching and learning processes allowed the Excellent Teachers to successfully implement HOTS and encouraged active participations among students. The findings of this study will contribute to the Ministry of Education to evaluate the roles of Excellent Teachers in overcoming the problems of applying HOTS among history teachers. The expertise of these Excellent Teachers can be seen as another point of reference for other history teachers. This study showed theoretical implications to further strengthened the implication of HOTS in History subject as well as practical implications to the Ministry, teachers and students to further ensure that implementation of HOTS has achieved the expected goals.

Keywords: HOTS, readiness, implementation, declarative, procedural, thinking dispositions, HOTS characteristics, teaching methods

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Dr. Fadzilah binti Abd. Rahman selaku penyelia saya di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, dorongan dan nasihat yang telah diberi sepanjang kajian dan penghasilan tesis ini. Pengorbanan masa dan penyeliaan beliau akan diingati dan dihargai selamanya. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Penyelia, Prof. Madya. Dr. Habsah Ismail, Dr. Umi Kalthom Abdul Manaf, Dr. Rozita Radhiah Said yang sentiasa memberi sokongan dan bimbingan sepanjang kajian ini dilaksanakan. Tanpa sokongan moral dan bantuan yang tidak ternilai oleh setiap ahli kumpulan penyelia, saya tidak akan berjaya menyiapkan kajian dan tesis yang sungguh bermakna ini.

Saya sangat menghargai kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh semua peserta kajian yang terlibat. Tanpa kerjasama mereka, kajian saya sudah tentu menjadi penulisan akademik yang tidak bermakna. Dalam kesempatan ini juga, ucapan terima kasih saya sampaikan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang memberi kebenaran kepada saya menjalankan kajian di sekolah-sekolah terlibat. Tidak lupa sekalung penghargaan kepada suami tercinta, En. Ravichandran Nagaiah, anak-anak tersayang, Parivaseni Ravichandran dan Khoeshwara Ravichandran serta ahli keluarga yang sentiasa memberi sokongan moral sepanjang saya meneruskan pengajian pendidikan ke peringkat ijazah Doktor Falsafah. Kesabaran dan kasih sayang mereka amat saya hargai buat selamanya. Segala pengorbanan dan jasa mereka akan dibalas dengan sekalung ijazah yang bakal diperoleh. Ucapan terima kasih khas dan penghargaan istimewa turut ditujukan kepada Dekan, Timbalan Dekan, pensyarah dan staf akademik Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia yang telah membantu sepanjang proses pengajian saya di fakulti ini. Tidak ketinggalan juga diucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Unit Kewangan Fakulti Pengajian Pendidikan dan staf terlibat atas kerjasama, dorongan dan tunjuk ajar dalam menguruskan Geran Universiti Putra Malaysia untuk saya. Sokongan padu kesemua pihak yang terlibat telah memberi keyakinan dan semangat kepada saya untuk menyiapkan tesis dalam jangka masa yang ditetapkan. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Ketua Nazir Sekolah, Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, Ketua Nazir Negeri, Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah memberi kebenaran melanjutkan pendidikan secara separuh masa. Terima kasih juga diucapkan kepada semua rakan saya yang banyak membantu, memberi motivasi, tunjuk ajar sepanjang perjalanan PhD ini. Akhir kata tanpa jasa baik, sokongan moral dan bimbingan semua pihak secara langsung dan tidak langsung, saya tidak akan dapat menyiapkan kajian ilmiah ini dengan sempurna. Terima kasih semua.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 16 Mei 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Sivapakkiam a/p Ramasamy bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Kesediaan dan Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kalangan Guru Cemerlang Sejarah” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Asmawati binti Suhid, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Rosnaini Mahmud, PhD


Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Tajularipin bin Sulaiman, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Berhannudin Mohd Salleh, PhD

Profesor Madya
Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 4 September 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Fadzilah binti Abd Rahman, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Umi Kalthom binti Abdul Manaf, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Habsah binti Ismail, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Rozita Radhiah binti Said, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, model pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fakrikasi data dalam tesis ini, dan intergriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah dihantar diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Sivapakkiam A/P Ramasamy , GS38725

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipenuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Dr. Fadzilah binti Abd Rahman

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Dr. Umi Kalthom binti Abdul Manaf

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Habsah binti Ismail

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Dr. Rozita Radhiah binti Said

ISI KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
SENARAI SINGKATAN	xviii

BAB

1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.2.1	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	2
1.2.2	Ciri-ciri Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	2
1.2.3	Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Sistem Pendidikan di Malaysia	2
1.2.4	Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan KBAT	3
1.2.5	Pengetahuan Deklaratif Guru Berkaitan KBAT	4
1.2.6	Pengetahuan Prosedural Guru Berkaitan KBAT	4
1.2.7	Disposisi Pemikiran Guru Berkaitan KBAT	4
1.2.8	Pelaksanaan Mata Pelajaran Sejarah Sebagai Mata Pelajaran Teras	5
1.2.9	Pelaksanaan KBAT dalam Mata Pelajaran Sejarah	6
1.2.10	Peranan Guru Cemerlang Sejarah dalam Sistem Pendidikan di Malaysia	7
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Persoalan Kajian	9
1.6	Batasan Kajian	10
1.7	Kepentingan Kajian	10
1.8	Definisi Konseptual dan Operasional	12
1.8.1	Kesediaan Guru Cemerlang Sejarah	12
1.8.2	Pengetahuan Deklaratif	12
1.8.3	Pengetahuan Prosedural	12
1.8.4	Disposisi Pemikiran	13
1.8.5	Guru Cemerlang Sejarah	13
1.8.6	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	13
1.8.7	Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah	14
1.8.8	Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	14
1.8.9	Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran	14
1.9	Rumusan	15

2	SOROTAN LITERATUR	16
2.1	Pengenalan	16
2.2	Matlamat Pelaksanaan KBAT Berdasarkan Falsafah Pendidikan Malaysia	16
2.3	Konsep dan Kaedah Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	18
2.4	Konsep Pengajaran Guru Cemerlang	22
2.5	Kesediaan Guru berkaitan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	25
2.5.1	Pengetahuan Deklaratif dan Prosedural Guru	26
2.5.2	Kesediaan Disposisi Pemikiran Guru	29
2.6	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Mata Pelajaran Sejarah	31
2.7	Kaedah Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	33
2.8	Kaedah Pengajaran Sejarah	35
2.9	Ciri-ciri KBAT	41
2.10	Kerangka Teori Kajian	45
2.10.1	Teori Kognitif Gagne	46
2.10.2	Teori Kognitif Bloom Semakan Anderson dan Krathwohl	47
2.10.3	Teori Konstruktivisme	48
2.10.4	Teori Disposisi Pemikiran	51
2.11	Kerangka Konsep Kajian	54
2.12	Rumusan	56
3	METODOLOGI KAJIAN	57
3.1	Pendahuluan	57
3.2	Reka bentuk Kajian	58
3.2.1	Kajian Kes	58
3.2.2	Konteks Kajian dan Lokasi Kajian	59
3.2.3	Persampelan Kajian	60
3.2.4	Rasional Pemilihan Guru Cemerlang Sebagai Peserta Kajian	60
3.3	Latar Belakang Peserta Kajian	61
3.3.1	Peserta Kajian 1	62
3.3.2	Peserta Kajian 2	62
3.3.3	Peserta Kajian 3	63
3.3.4	Peserta Kajian 4	63
3.3.5	Peserta Kajian 5	63
3.3.6	Peserta Kajian 6	64
3.4	Teknik Pengumpulan Data	64
3.4.1	Instrumen Kajian	65
3.5	Teknik Penganalisisan Data	67
3.5.1	Mengenali data	67
3.5.2	Analisis Berfokus	68
3.5.3	Pengkategorian Maklumat	68
3.5.4	Interpretasi Data	70
3.5.5	Triangulasi Data	71
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	71
3.7	Kajian Rintis	73

3.8	Prosedur Kajian	73
3.9	Jadual Kerja	74
3.9.1	Data Pemerhatian	74
3.9.2	Data Rakaman (Video dan Audio)	75
3.9.3	Data Temu Bual	75
3.9.4	Data Dokumen	76
3.10	Rumusan	76
3.11	Kerangka Kajian	78
4	DAPATAN KAJIAN	79
4.1	Pengenalan	79
4.2	Latar Belakang Kelas Peserta Kajian	79
4.3	Ilmu pengetahuan Deklaratif Berkaitan KBAT dalam Kalangan Guru Cemerlang Sejarah	80
4.3.1	Kefahaman Berkaitan KBAT	82
4.3.2	Pengetahuan Merancang Kaedah Pengajaran KBAT	91
4.3.3	Pengetahuan berkaitan Penggabungjalinan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dan kemahiran Pemikiran Sejarah	94
4.3.4	Kursus KBAT yang dihadiri	96
4.4	Ilmu Pengetahuan Prosedural Berkaitan KBAT dalam Kalangan Guru Cemerlang Sejarah	96
4.4.1	Menjalankan Aktiviti Berunsur KBAT	97
4.4.2	Inovasi Berkaitan KBAT	100
4.4.3	Sumbangan sebagai Guru Cemerlang Terhadap Perluasan KBAT	102
4.4.4	Cara Menjawab Soalan KBAT	103
4.5	Disposisi Pemikiran Guru Cemerlang Sejarah dalam Melaksanakan KBAT	104
4.5.1	Keupayaan Memberi Pemahaman yang Jelas	105
4.5.2	Keupayaan Menilai secara Rasional	107
4.5.3	Keupayaan Merancang dan Membentuk Pelan Strategik	109
4.5.4	Cenderung Meneroka dan Mencari Penyelesaian Masalah	110
4.5.5	Memiliki Kemahiran Meta kognitif	111
4.5.6	Berpengetahuan Luas dan Mencabar	112
4.5.7	Ketelitian dalam Memberi Maklumat	114
4.6	Ciri-Ciri KBAT yang Diaplikasikan dalam Pembelajaran dan Pengajaran Guru Cemerlang Sejarah	115
4.6.1	Stimulus	117
4.6.2	Situasi Baharu	121
4.6.3	Situasi Sebenar	122
4.6.4	Tidak Berulang	123
4.6.5	Pelbagai Aras Pemikiran	124
4.6.6	Soalan yang Memerlukan Justifikasi	125
4.7	Kaedah pengajaran yang dipraktikkan oleh Guru Cemerlang Sejarah dalam menyampaikan PdP berunsur KBAT	127
4.7.1	Peserta Kajian 1 (PK1)	127

4.7.2	Peserta Kajian 2 (PK2)	129
4.7.3	Peserta Kajian 3 (PK3)	131
4.7.4	Peserta Kajian 4 (PK4)	132
4.7.5	Peserta Kajian 5 (PK5)	133
4.7.6	Peserta Kajian 6 (PK6)	134
4.8	Analisis Dapatan Kajian Berkaitan Kaedah Pengajaran	135
4.9	Rumusan	136
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN	138
5.1	Pendahuluan	138
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	138
5.2.1	Ilmu Pengetahuan Deklaratif Guru Cemerlang Sejarah	138
5.2.2	Ilmu Pengetahuan Prosedural Guru Cemerlang Sejarah	139
5.2.3	Disposisi Pemikiran Guru Cemerlang Sejarah Dalam Melaksanakan KBAT	139
5.2.4	Ciri-Ciri KBAT dalam Pembelajaran dan Pengajaran Guru Cemerlang Sejarah	140
5.2.5	Kaedah Pengajaran Guru Cemerlang Sejarah Dalam Menyampaikan PdP berunsur KBAT.	143
5.3	Perbincangan	144
5.4	Implikasi Kajian	149
5.4.1	Kesediaan Guru Sejarah dalam Pembelajaran dan Pengajaran berunsur KBAT	149
5.4.2	Kaedah Pengajaran Guru Sejarah	150
5.4.3	Sistem Pentaksiran	151
5.4.4	Kurikulum Mata Pelajaran Sejarah	151
5.4.5	Buku Teks Sejarah	151
5.4.6	Peranan Guru Cemerlang Sejarah	152
5.4.7	Implikasi Terhadap Teori	152
5.5	Cadangan	154
5.5.1	Jawatan SISC+ Untuk Mata Pelajaran Sejarah	154
5.5.2	'Konsep 6S' untuk Aplikasi Ciri-ciri KBAT	154
5.5.3	Bank Sumber KBAT' dalam Portal KBAT Menggunakan Aplikasi VLE-1BestariNet	155
5.5.4	Sumbangan Guru Cemerlang Sejarah Peringkat Kebangsaan dan Negeri	156
5.5.5	Kandungan Buku Teks Sejarah	156
5.5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	156
5.6	Penutup	158
	RUJUKAN	159
	LAMPIRAN	174
	BIODATA PELAJAR	241
	SENARAI PENERBITAN	242

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
2.1 Konsep KBAT	19
2.2 Model Pendekatan Penerapan KBAT	21
2.3 Perbandingan Antara Guru Berkemahiran Tradisional dan Berkemahiran Konstruktivisme	49
3.1 Ciri-ciri Kajian Kes	59
3.2 Profil Peserta Kajian	62
4.1 Maklumat Kelas Yang Diperhatikan	80
4.2 Rumusan Pengetahuan Deklaratif Berkaitan KBAT	81
4.3 Contoh Penganalisisan Secara Triangulasi Mengikut Kes	90
4.4 Rumusan Pengetahuan Prosedural Berkaitan KBAT	97
4.5 Contoh Penganalisisan Data Secara Triangulasi	99
4.6 Rumusan Disposisi Pemikiran Guru Cemerlang Sejarah	105
4.7 Analisa Secara Triangulasi Data Berkaitan Ketelitian dalam Memberi Maklumat	115
4.8 Rumusan Analisis Aplikasi Ciri-ciri KBAT dalam Pembelajaran dan Pengajaran Guru Cemerlang Sejarah	116
4.9 Pelbagai Aras Pemikiran dalam PdP Peserta Kajian	125
4.10 Contoh Penganalisisan Triangulasi Antara Kes berkaitan Ciri KBAT- Soalan yang Memerlukan Murid Membuat Justifikasi	126
4.11 Contoh Soalan KBAT dalam PdP Guru Cemerlang Sejarah	129
4.12 Contoh Soalan KBAT dalam PdP oleh PK2	130
4.13 Contoh Soalan KBAT Yang Diberi Oleh PK5 untuk Perbincangan Kumpulan	134
5.1 Contoh Soalan yang Mengaplikasi Ciri-ciri KBAT	142

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1.1 Objektif Pendidikan Sejarah di Malaysia	5
2.1 Model Konseptual Guru	18
2.1 Perbezaan antara Taksonomi Bloom Asal dan Taksonomi Bloom Versi Anderson dan Krathwohl	20
2.2 Model lima langkah untuk penerapan KBAT	33
2.3 Konsep ‘Triadic’ dalam Disposisi Pemikiran oleh Tishman, Jay & Perkins	51
2.4 Tujuh Ciri Disposisi Pemikiran oleh Tishman, Jay & Perkins	52
2.5 Kerangka Teoritikal Kajian	54
2.6 Kerangka Konsep Kajian	55
3.1 Teknik Penganalisisan Data	67
3.2 Contoh Analisa Kod dan Kategori kepada Tema	69
3.3 Contoh Pengkategorian Data Mengikut Sub Tema	70
3.4 Kerangka Kajian	78
4.1 Contoh Rancangan Pelajaran Harian Guru	88
4.2 Hasil Kerja Murid	118
4.3 Keratan Akhbar	119
4.4 Analisis Kaedah Pengajaran	135
4.5 Rumusan Analisis Dapatan Kajian	137
5.1 Aplikasi Ciri-ciri KBAT dalam PdP Guru Cemerlang Sejarah	141
5.2 Rumusan Kaedah PdP oleh Guru Cemerlang Sejarah	143
5.3 Konsep ‘6S’ dalam Aplikasi Ciri-ciri KBAT	155

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
A Maklumat Asas Sekolah	174
B Surat Akuan Persetujuan Peserta Kajian	175
C Protokol Kajian	176
D Rubrik Protokol Kajian	182
E Contoh Pengesahan Protokol Kajian	183
F Contoh Protokol Pemerhatian	186
G Soalan Temu Bual	188
H Contoh Surat Lantikan Sebagai Guru Cemerlang	189
I Contoh Transkripsi Pemerhatian dan Temu Bual	190
J Akuan Pengesahan Transkripsi	216
K Contoh Penganalisisan Menggunakan Data Triangulasi Mengikut Peserta Kajian	217
L Contoh Penganalisisan Menggunakan Data Triangulasi Antara Peserta Kajian	218
M Contoh Pengesahan oleh Penilai Bebas (Inter Rater)	219
N Surat Kebenaran Menjalankan Kajian oleh BPPDP, KPM	222
O Surat Kebenaran Menjalankan Kajian oleh JPN WPKL & Putrajaya	223
P Surat Kebenaran Menjalankan Kajian oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh, KPM	225
Q Jadual Lawatan Kajian	226
R Contoh Bahan Inovasi KBAT oleh GCS	227
S Contoh Rancangan Pelajaran Harian GCS (Aras Pemikiran)	230
T Contoh Rancangan Pelajaran Harian GCS (Kaedah Lukisan)	231

U	Contoh Rancangan Pelajaran Harian GCS (Kaedah Perbincangan)	232
V	Ciri Soalan berdasarkan Penyoalan Sokratik	234
W	Contoh Hasil Kerja Murid (Lukisan)	235
X	Contoh Hasil Kerja Murid (Bertulis)	240



SENARAI SINGKATAN

KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBKK	Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif
KPS	Kemahiran Pemikiran Sejarah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
HOTS	Higher Order Thinking Skills
GC	Guru Cemerlang
GCS	Guru Cemerlang Sejarah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SKPM	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PdP	Pembelajaran dan Pengajaran
PK	Peserta Kajian
LK	Lokasi Kajian
ICT	Information and Communication Technology
VLE	Virtual Learning Environment
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
PPW	Pejabat Pendidikan Wilayah
SISC+	School Improvement Specialist Coach
WPKL	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
MGCM	Majlis Guru Cemerlang Malaysia
KPI	Key Performance Index

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian yang ingin diteroka dan diketahui melalui kajian ini. Pernyataan masalah mengupas tentang faktor-faktor yang mendorong kajian ini dilaksanakan hasil daripada masalah yang timbul daripada aspek kesediaan guru dalam melaksanakan kemahiran berfikir aras tinggi yang lebih berfokus kepada mata pelajaran Sejarah. Selain itu, bab ini juga membincangkan kepentingan menjalankan kajian berkaitan kesediaan dan pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan Guru Cemerlang (GC) mata pelajaran Sejarah daripada aspek teori dan praktikal. Seterusnya, bab ini membincangkan secara terperinci tentang definisi berkaitan setiap pemboleh ubah yang terlibat.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sejarah perkembangan sistem pendidikan negara Malaysia telah melalui pelbagai perubahan sejak enam dekad ini bermula dari zaman sebelum merdeka iaitu mulai Laporan L.J.Barnes pada 1949 sehingga yang terkini Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Misi dan matlamat perubahan adalah jelas untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan kaum, masyarakat saintifik dan futuristik, mempunyai daya pemikiran tinggi yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga menyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan. Maka tidak menghairankan sekiranya sesebuah negara yang mempunyai rakyat berpemikiran tinggi mampu menjana ekonomi pesat demi kemakmuran negara (Abdul Said Ambotang, 2014). Ini adalah kerana kemajuan dan kekuatan sesebuah negara bergantung kepada tahap pengetahuan dan kemahiran penduduknya (Hassan, Rosli & Zakaria, 2016).

Institusi pendidikan merupakan tempat terpenting untuk menyuburkan bakat dan kebolehan pemikiran kritis dan kreatif murid. Hal ini diakui oleh pakar-pakar sains pemikiran kreatif seperti Amabile, (2008); Swartz, (2010); Anderson, (2005) dan Buzan, (2002). Sistem pendidikan negara seharusnya memperkembangkan kebolehan murid bagi mengaplikasikan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam penaaakulan dan refleksi bagi tujuan penyelesaian masalah, membuat keputusan, melakukan inovasi dan ciptaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Kemahiran berfikir dalam PdP memainkan peranan yang penting kerana ia membolehkan murid memahami, menilai serta mengaplikasikan maklumat yang diterima dalam pelbagai situasi. Menyedari kepentingan kemahiran berfikir dalam kehidupan, maka kurikulum dan strategi pengajaran pada peringkat global juga menggalakkan penerapan KBAT di dalam proses PdP (Lai, 2011; Reeves, Redford & Mc Queen, 2010).

1.2.1 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Robert Fisher, seorang pakar terkemuka dalam pembangunan pemikiran kanak-kanak mengatakan bahawa pemikiran bukan fungsi semula jadi seperti tidur, berjalan dan bercakap. Beliau menekankan kemahiran berfikir perlu dibangunkan dari semasa ke semasa kerana pengetahuan dan daya pemikiran tidak berkembang secara automatik mengikut peringkat umur seseorang individu (Puchta & Williams, 2011). Kemahiran berfikir terbahagi kepada dua aras iaitu kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan kemahiran berfikir aras rendah (KBAR). KBAT merupakan kemahiran yang diberi penekanan utama pada peringkat global. Konsep KBAT (*higher order thinking skill*) menjadi agenda utama pendidikan peringkat global apabila objektif pengajaran Taksonomi Bloom diperkenalkan pada tahun 1956. KBAT merupakan salah satu kemahiran kecekapan kerja yang diperlukan oleh murid untuk menghadapi persaingan global, menganalisis sesuatu isu dan mencari jalan penyelesaian berdasarkan pemikiran kritis, kreatif dan logikal (Tan & Halili, 2015).

1.2.2 Ciri-ciri Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Ciri-ciri KBAT melibatkan skop yang luas, kepelbagaian kaedah dan bahan rangsangan serta mencabar tetapi boleh ditaksir kerana pengetahuan asas sama ada dipelajari, melalui pengalaman, bacaan dan sebagainya dijadikan sebagai keperluan penting untuk merangsang murid berfikir ke aras yang lebih tinggi. Respons murid adalah bebas, tidak spesifik dan boleh merentasi mata pelajaran lain. Menurut kriteria yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (2013), KBAT harus mempunyai lima ciri iaitu menggunakan stimulus secara ekstensif untuk menjana kemahiran inferens dan penaakulan kritikal, item KBAT dibina untuk menaksir pelbagai aras pemikiran dalam domain kognitif untuk memberi impak yang lebih besar, penggunaan situasi baharu di luar bilik darjah bertujuan untuk menggalakkan murid berfikir lebih mendalam dan bukan sekadar mengingat semula apa yang dipelajari dalam bilik darjah, mencabar murid untuk menyelesaikan suatu masalah kehidupan sebenar dengan menggunakan pembelajaran daripada pelbagai disiplin mengikut situasi sebenar dalam kehidupan harian murid dan item KBAT berbeza setiap tahun dan menggunakan bahan yang melangkaui bahan buku teks, buku kerja, buku latihan dan sebagainya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

1.2.3 Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Sistem Pendidikan di Malaysia

Pengajaran kemahiran berfikir bukan sesuatu yang baharu dalam sejarah pendidikan di Malaysia. Pada tahun 1993, Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK) telah mula diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara kita. Fokus terhadap KBKK mula berkurangan pada awal abad ke-21 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2012). Apabila PPPM di implementasi pada tahun 2013, KBKK telah dibuat penambahbaikan dan dinamakan semula sebagai KBAT. KBAT merupakan kesinambungan kepada KBKK yang memberi fokus kepada kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif ke arah penyelesaian masalah manakala KBAT berfokus

kepada kemahiran berfikir aras tinggi iaitu aplikasi, analisis, menilai dan mencipta (Rajendran, 2013).

Mengikut takrifan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu (KPM, 2013). Memandangkan pendidikan dan kemajuan negara ke arah pendidikan bertaraf dunia, maka KPM sedang berusaha menjadikan budaya berfikir sebagai aspirasi utama murid sebagaimana yang tersurat dalam PPPM 2013-2025 (Lai, 2011).

Bagi melaksanakan KBAT di sekolah secara berkesan, Bahagian Pembangunan Kurikulum telah menggariskan tujuh elemen di mana tiga daripadanya merupakan elemen utama iaitu kurikulum, pedagogi dan pentaksiran manakala empat yang lain merupakan elemen sokongan iaitu kokurikulum, sokongan komuniti & swasta, bina upaya dan sumber (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2012). Elemen KBAT dalam kurikulum menyarankan pihak bertanggungjawab menyediakan standard KBAT dari kurikulum prasekolah hingga ke Tingkatan 5. Elemen pedagogi menyarankan guru-guru mengaplikasikan KBAT yang efektif dalam kelas berdasarkan penggunaan alat berfikir yang sesuai seperti i-THINK. Daripada aspek elemen pentaksiran, pihak sekolah disarankan untuk meningkatkan peratus dan kualiti soalan/ item pentaksiran bercirikan KBAT. Pihak sekolah juga diminta untuk menyediakan manual pembinaan item KBAT memiliki ciri-ciri KBAT.

Elemen sokongan kokurikulum menyarankan setiap murid terlibat dalam Program 1 Murid 1 Projek (1M1P) untuk meningkatkan KBAT. Melalui program ini, pemikiran aras tinggi murid dirangsang untuk penyelesaian masalah, membuat keputusan dan menghasilkan tugas secara kritis, kreatif dan inovatif. Sokongan komuniti dan swasta pula memerlukan kewujudan mekanisme yang menggalakkan penyertaan komuniti dan sektor swasta untuk menyokong KBAT dalam aktiviti di sekolah. Elemen bina upaya menyediakan latihan KBAT kepada guru yang berfokus kepada mata pelajaran teras Matematik, Sains dan Sejarah. Peranan pegawai 'School Improvement Specialist Coach' (SISC+) dalam membimbing guru berkaitan pengetahuan deklaratif dan prosedural berkaitan KBAT menjadi keperluan utama. Akhir sekali ialah elemen sokongan sumber di mana kepelbagaian sumber KBAT dipertingkatkan untuk rujukan guru dalam melaksanakan KBAT secara berkesan. Dalam konteks kajian ini, kesemua elemen ini menjadi fokus utama untuk menilai kesediaan dan pelaksanaan KBAT dalam kalangan guru.

1.2.4 Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan KBAT

Pendidikan pada abad ke-21 menuntut para guru supaya mampu menguasai pelbagai kemahiran berfikir, kemahiran generik, kemahiran belajar, pembelajaran koperatif dan konstruktif. Bagi menghadapi cabaran PdP abad ke-21 ini terutamanya dalam pelaksanaan KBAT, guru secara berterusan perlu mengemas kini pengetahuan

deklaratif (kandungan kurikulum) dan pengetahuan prosedural (pedagogi PdP) berkaitan KBAT supaya kekal relevan dengan keperluan semasa dan akan datang. Selain itu, guru juga perlu bersedia dari segi disposisi pemikiran untuk mengadaptasi perubahan yang berlaku dari semasa ke semasa untuk melaksanakan penerapan KBAT seperti yang dihasratkan. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

1.2.5 Pengetahuan Deklaratif Guru Berkaitan KBAT

Pengetahuan deklaratif guru berkaitan KBAT merujuk kepada pengetahuan kandungan atau fakta berkaitan KBAT. Ia meliputi pengetahuan guru berkaitan konsep, ciri-ciri, teori/taksonomi, kemahiran merancang PdP dan pengetahuan untuk memilih kaedah pengajaran Sejarah yang sesuai berasaskan KBAT. Lazimnya, guru memperoleh pengetahuan deklaratif KBAT melalui kehadiran kursus atau bengkel yang dianjurkan pada peringkat KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).

1.2.6 Pengetahuan Prosedural Guru Berkaitan KBAT

Pengetahuan prosedural guru berkaitan KBAT merujuk kepada kemahiran guru menggunakan prosedur tertentu untuk melaksanakan PdP berunsur KBAT. Pengetahuan prosedural lebih merujuk kepada kemahiran guru dalam bentuk perlakuan (Yilmaz, 2012). Ia merangkumi kemahiran melaksanakan PdP mata pelajaran Sejarah menggunakan kepelbagaian kaedah dan teknik pengajaran yang disesuaikan dengan pelaksanaan KBAT. Selain itu, pengetahuan prosedural guru juga dinilai melalui kemahiran mengendalikan bengkel atau kursus berkaitan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah. Penghasilan modul, kertas kerja dan bahan sokongan berkaitan KBAT juga menjadi aras pengukuran penguasaan pengetahuan prosedural seseorang guru. Pada dasarnya, pengetahuan deklaratif guru dalam mata pelajaran Sejarah yang mantap membantu guru mengaplikasikannya dalam bentuk perlakuan (pengetahuan prosedural).


1.2.7 Disposisi Pemikiran Guru Berkaitan KBAT

Perkins, Jay dan Tishman (1993) menyatakan disposisi pemikiran sebagai satu konsep '*triadic*' iaitu kecenderungan, sensitiviti dan keupayaan yang berterusan ke arah membimbing tingkah laku intelek seseorang. Menurut Perkins, Jay dan Tishman lagi, disposisi pemikiran ialah kecenderungan untuk melakukan sesuatu tugas yang diberikan syarat-syarat tertentu, dilakukan secara refleksi dan proses pemikiran ini bukan berlaku secara automatik. Berdasarkan konsep disposisi pemikiran oleh Perkins, Jay dan Tishman, guru menunjukkan kecenderungan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan KBAT, mempamerkan sensitiviti berkaitan perubahan dalam amalan PdP berunsur KBAT dan menunjukkan keupayaan dalam melaksanakan aktiviti PdP berunsur KBAT.

1.2.8 Pelaksanaan Mata Pelajaran Sejarah Sebagai Mata Pelajaran Teras

Sejarah ialah mata pelajaran teras dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang wajib dipelajari oleh semua murid secara berterusan selama lima tahun. Oleh itu, Kurikulum Pendidikan Sejarah pada peringkat Sekolah Menengah Rendah (SMR) mesti mempunyai kesinambungannya pada peringkat Sekolah Menengah Atas (SMA), supaya asas-asas pengetahuan, nilai-nilai murni, kemahiran belajar dan pengalaman yang diperoleh dapat diperkukuh dan diperkembangkan lagi (Rahim & Said, 2007). Objektif pendidikan Sejarah dalam Sukatan Pelajaran Sejarah digambarkan dalam Rajah 1.1. KPM menekankan kemahiran berfikir antara objektif utama untuk mempertingkatkan daya pemikiran dan kematangan yang berasaskan iktibar daripada pengalaman Sejarah (Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah, 2001). KBAT dalam kalangan murid dijana melalui kemahiran mengaplikasikan pengetahuan Sejarah; kemahiran menganalisis, merumus dan menilai fakta Sejarah.

Jelas ternyata bahawa KBAT merupakan kemahiran yang telah sedia digabung jalin dalam kurikulum pendidikan Sejarah. Maka, guru yang memahami jelas objektif pendidikan Sejarah dapat melaksanakan PdP Sejarah berunsur KBAT secara terancang. Justeru, guru-guru Sejarah mempunyai peranan yang penting untuk menerapkan pemikiran sejarah melalui aktiviti PdP yang menggalakkan pelajar berfikir. Hanya proses pembelajaran dan pengajaran yang bermakna sahaja boleh merangsang pemikiran para pelajar untuk mengaitkan peristiwa yang lalu dengan situasi semasa.



Rajah 1.1 : Objektif Pendidikan Sejarah di Malaysia

(Sumber: Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah, 2001)

KBSM untuk mata pelajaran Sejarah menegaskan kesepaduan unsur pengetahuan, peningkatan daya intelek, pemupukan nilai-nilai murni dan perkembangan kemahiran belajar. Dalam usaha untuk melahirkan generasi yang dapat memenuhi matlamat dan aspirasi negara, pendekatan PdP pendidikan Sejarah perlu menjurus kepada pemupukan kemahiran berfikir dan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam kalangan murid di samping nilai-nilai murni dan semangat patriotik (Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah, 2001). Mata pelajaran ini menjadi semakin penting dalam usaha membina insan yang sempurna dan patriotik serta mempunyai sifat toleransi yang tinggi dalam perkampungan dunia yang penuh cabaran akibat daripada proses globalisasi (Ahamad, Azwani, Abdul Razaq & Zahara, 2011; Rahim & Said, 2007). Justeru, Sejarah juga telah dijadikan mata pelajaran wajib lulus Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 2013 (Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil. 3 Tahun 2011).

1.2.9 Pelaksanaan KBAT dalam Mata Pelajaran Sejarah

KBAT menjadi fokus utama dalam semua mata pelajaran tidak kira teras atau elektif dalam kurikulum pendidikan di negara ini. Mata pelajaran Sejarah pula merupakan mata pelajaran teras wajib lulus pada peringkat menengah. Justeru, pelaksanaan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah diberi fokus oleh semua pihak agar dapat mencapai hasrat yang telah digariskan dalam PPPM 2013-2025. Ini akan membantu murid menyeimbangkan penguasaan pengetahuan dalam mata pelajaran Sejarah dengan mata pelajaran teras yang lain.

Dalam konteks pendidikan Sejarah, elemen KBAT telah lama diterapkan melalui penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Sejarah. KPS dan KBAT bergerak seiring dalam PdP Sejarah. (Awang, Ahmad, Yakub, & Seman, 2016) dan Barton, 2012) mentakrifkan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) sebagai satu kemahiran penting yang perlu diterapkan dalam setiap PdP mata pelajaran Sejarah. Kemahiran ini terbahagi kepada lima iaitu memahami kronologi, meneroka bukti, membuat imaginasi, membuat interpretasi dan membuat rasionalisasi. Menurut Brooks (2013), pemahaman terhadap KPS membantu guru untuk membuat interpretasi, meneroka sebab dan akibat menilai sesuatu peristiwa Sejarah dalam konteks yang luas.

Kemahiran Pemikiran Sejarah mempunyai perkaitan yang jelas dengan KBAT. Aras kemahiran memahami kronologi adalah sama dengan aras pengetahuan dalam Taksonomi Bloom manakala kemahiran meneroka bukti adalah sama dengan aras kefahaman dalam Taksonomi Bloom. Proses kognitif yang terlibat dalam kemahiran membuat interpretasi adalah serupa dengan kemahiran menganalisis dan aras aplikasi dalam Taksonomi Bloom pula menyamai aras kemahiran membuat imaginasi dalam KPS. Peringkat terakhir dalam KPS iaitu membuat rasionalisasi adalah sama dengan aras pemikiran menilai dalam Taksonomi Bloom (Awang, Ahmad, Yakub, & Seman, 2016). Maka, jelas di sini KBAT dan KPS tidak berdiri secara berasingan dan perlu digabung jalin dan wajib diterapkan dalam setiap PdP mata pelajaran untuk meningkatkan kemahiran berfikir dalam kalangan murid.

1.2.10 Peranan Guru Cemerlang Sejarah dalam Sistem Pendidikan di Malaysia

Guru Cemerlang Sejarah (GCS) ialah guru beropsyen mata pelajaran Sejarah yang mempunyai latar belakang pengetahuan Sejarah yang kukuh, mempunyai latihan profesional dalam bidang kurikulum dan pedagogi Sejarah. GCS ialah guru yang mempunyai sikap yang positif terhadap peranannya sebagai guru Sejarah dan sentiasa mencari jalan untuk melengkapi dirinya dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang berkaitan dengan pengajaran mata pelajaran Sejarah (Jemaah Nazir Sekolah, 1997). Berdasarkan tiga aspek yang dinyatakan iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap, GCS berupaya menyediakan dan memberi peluang pembelajaran kepada murid untuk menghayati mata pelajaran Sejarah dan peka terhadap perubahan terkini dalam sistem pendidikan negara secara amnya dan mata pelajaran Sejarah secara khususnya. GCS merupakan pakar rujuk kepada guru-guru biasa daripada aspek pengetahuan pedagoginya berkesan dalam mata pelajaran Sejarah. GCS juga berperanan sebagai peneraju kepada inovasi dalam pendidikan Sejarah terutamanya dalam penghasilan bahan ilmiah dan penemuan baru dalam kaedah PdP (Jemaah Nazir Sekolah, 1997).

1.3 Pernyataan Masalah

Secara dasarnya, PdP seseorang GC perlu berbeza dan lebih efektif berbanding guru biasa (Ibrahim, Aziz & Nambiar, 2013). Menurut mereka lagi, perbezaan dalam kualiti pelaksanaan dan pengetahuan seseorang GC yang melayakkan mereka bertindak sebagai pakar rujuk, memberi khidmat nasihat dalam pedagogi dan membimbing guru dalam mata pelajaran berkaitan secara meluas. Namun, masalah utama yang dikenal pasti ialah aspek pembangunan profesionalisme berterusan kepada GC kurang diberi penekanan demi melengkapkan ilmu berkaitan perubahan dan keperluan pendidikan semasa dalam kalangan GC (Faridah Awang, 2014). Pihak KPM dan JPN masih belum melaksanakan pemantauan berterusan terhadap GC selepas pelantikan mereka ke jawatan ini. Justeru, KPM belum dapat mengenal pasti sejauh mana GC bersedia dan mahir dalam membimbing guru-guru biasa terutamanya guru bukan opsyen Sejarah yang sedang menghadapi masalah, terutamanya pelaksanaan PdP berkesan mengikut keperluan dasar pendidikan semasa. Hasil kajian lepas juga memberi input bahawa terdapat GC yang masih melaksanakan PdP yang memperlihatkan ciri-ciri pengajaran konvensional yang ketara (Said Rozita Radhiah, 2012).

Perkongsian kepakaran dan ilmu pengetahuan GC dengan guru biasa masih berada pada peringkat minima. Kepakaran dan ilmu GC mengikut mata pelajaran masih belum disebar luas kepada guru biasa di sekolah (Tsui, 2003; Faridah Awang, 2014; Saidin, Dali & Ambotang, 2016). Kepakaran GC belum dimanfaatkan sepenuhnya oleh guru biasa demi meningkatkan kualiti PdP mata pelajaran berkaitan walaupun masih terdapat ramai guru novis dan guru bukan opsyen yang kurang mahir dalam menguasai kaedah pedagogi yang efektif. Ini disebabkan oleh kebanyakan GC belum memahami dengan jelas tanggungjawab dan peranan mereka sebagai seorang GC. Tanggungjawab dan peranan GC hanya dirujuk melalui *Terma Rujukan Konsep*

Guru Cemerlang Tahun 2007 (Jemaah Nazir Sekolah, 2007) sahaja. Selain daripada terma tersebut, belum ada arahan yang jelas dari pihak KPM yang memperincikan bidang tugas (*job description*) mereka sebagai seorang GC. Terdapat GC yang masih menunggu arahan rasmi dari pihak KPM dan belum bersikap proaktif dalam melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pembimbing kepada guru biasa (Faridah Awang, 2014; Saidin, Dali & Ambotang, 2016).

Khairul (2014) menyatakan bahawa masalah utama pengajaran kemahiran berfikir di Malaysia ialah pihak guru belum dibekalkan dengan pengetahuan (deklaratif) dan kemahiran pengajaran (prosedural) yang secukupnya. Jika pihak guru belum dibekalkan dengan kemahiran dan pengetahuan yang mantap berkaitan pengajaran kemahiran berfikir, maka akan gagal hasrat KPM untuk melahirkan generasi yang memiliki kemahiran berfikir (Jaganathan, 2016; Puchta, 2011). Ketidaksediaan guru dalam melaksanakan kemahiran berfikir aras tinggi disebabkan pengetahuan pedagogi yang cetek. Persepsi guru terhadap pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi yang dilihat susah untuk diajar dan dilaksanakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran juga mempengaruhi kejayaan pelaksanaan kemahiran tersebut (Sharuji & Mohd Nordin, (2017).

Berdasarkan Laporan Tahunan PPPM 2015, pihak KPM telah berusaha untuk memastikan perubahan dalam PdP berlaku di dalam bilik darjah selaras dengan dasar pendidikan semasa. Ini dilakukan dengan memberi latihan kepada guru-guru berkaitan KBAT. Sebanyak 15,768 orang guru mata pelajaran Sains, 16,123 orang guru mata pelajaran Matematik dan 50,957 orang guru bagi mata pelajaran lain telah selesai menjalani latihan berkaitan kaedah pengajaran dan penilaian KBAT sehingga Disember 2014. Berdasarkan jumlah guru di seluruh negara, hanya lebih kurang 20 peratus guru merangkumi pelbagai mata pelajaran teras telah diberi latihan KBAT sehingga akhir tahun 2014 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Mengikut jumlah tersebut, peratus Guru Sejarah dan GCS secara khususnya yang mendapat pendedahan berkaitan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah masih pada taraf yang sangat minima.

Guru bukan opsyen kurang memahami matlamat dan objektif pengajaran Sejarah (pengetahuan deklaratif). Guru-guru bukan opsyen yang mengajar Sejarah sebagai mata pelajaran elektif didapati kurang memberi penekanan kepada kaedah penyampaian yang berkesan dan berunsur Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS). Permasalahan ini berpunca daripada guru daripada bidang lain terpaksa mengambil opsyen untuk mengajar subjek Sejarah yang dikatakan sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada kurangnya minat murid terhadap Sejarah (Jabar, 2010, Rozali, 2013; Anuar, 2015). Antara punca masalah yang dikenal pasti ialah guru-guru bukan opsyen Sejarah kurang mendapat bimbingan untuk memperbaiki kaedah pengajaran mereka dari semasa ke semasa. Ini memberi kesan kepada keberkesanan PdP Sejarah oleh guru bukan opsyen secara amnya.

Berdasarkan kepada masalah-masalah yang dibincangkan, dapat dirumuskan bahawa isu pelaksanaan KBAT disebabkan kepakaran GC secara amnya dan GCS secara khususnya belum dimanfaatkan dengan menyeluruh oleh pihak berkeperluan. KPM belum mengenal pasti kesediaan GCS dalam memberi sumbangan sebagai pembimbing mata pelajaran Sejarah di peringkat dalam dan luar sekolah. Kesediaan GCS daripada aspek penguasaan pengetahuan deklaratif dan prosedural serta disposisi pemikiran terhadap pelaksanaan KBAT belum dipantau secara menyeluruh untuk memastikan GCS memainkan peranan mereka secara berkesan. Penerapan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah belum dibudayakan dalam PdP harian kerana kekurangan sensitiviti, kecenderungan dan keupayaan guru untuk meningkatkan pengetahuan berkaitan KBAT. Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat perlu dijalankan satu kajian berkaitan kesediaan dan pelaksanaan KBAT dalam kalangan GCS untuk mengkaji sejauh mana GCS bersedia untuk membimbing guru Sejarah biasa dalam pelaksanaan KBAT secara berkesan.

1.4 Objektif Kajian

Secara umum, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesediaan Guru Cemerlang Sejarah dalam melaksanakan KBAT. Secara khusus objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengetahui kesediaan GCS daripada segi pengetahuan deklaratif, pengetahuan prosedural dan disposisi pemikiran untuk menerapkan KBAT dalam kalangan murid;
- ii. Mengetahui ciri-ciri KBAT yang diaplikasikan dalam PdP yang dilaksanakan oleh GCS; dan
- iii. Mengetahui kaedah pengajaran yang diaplikasikan oleh GCS untuk menerapkan KBAT dalam kalangan murid.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif yang dinyatakan di atas, soalan-soalan kajian yang berikut telah dibentuk untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan berhubung kepentingan elemen-elemen yang perlu ditambah baik berkaitan kualiti pengajaran Sejarah.

- i. Adakah ilmu pengetahuan deklaratif berkaitan KBAT yang dimiliki GCS?
- ii. Adakah ilmu pengetahuan prosedural berkaitan KBAT yang dimiliki GCS?
- iii. Adakah disposisi pemikiran yang ditunjukkan oleh GCS bagi meningkatkan kesediaan untuk melaksanakan PdP berunsur KBAT?
- iv. Adakah ciri-ciri KBAT yang diaplikasikan dalam PdP GCS?
- v. Adakah kaedah pengajaran yang diaplikasikan oleh GCS untuk menerapkan KBAT dalam kalangan murid.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai batasan tertentu yang berfokus kepada objektif kajian dan menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan. Kajian ini melibatkan pensampelan hanya enam orang guru daripada kalangan GCS di Kuala Lumpur dan Putrajaya. Maka dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan untuk semua sekolah di Malaysia. Semua perbincangan, data, rujukan dan rumusan yang ditulis hanya merujuk kepada kesediaan enam orang peserta kajian yang terlibat. Maka dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan untuk semua GCS di Malaysia. Kajian ini hanya memberi fokus kepada responden GCS sahaja maka dapatan kajian ini tidak digeneralisasikan kepada semua guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah.

Kajian ini hanya akan meneliti kesediaan guru dari segi pengetahuan deklaratif, pengetahuan prosedural dan disposisi pemikiran GCS terhadap KBAT. Justeru, hasil kajian ini tidak merangkumi kesediaan guru dari aspek ilmu pengetahuan deklaratif dan prosedural guru berkaitan mata pelajaran Sejarah. Selain itu, kajian ini sepenuhnya berfokus kepada GCS sebagai peserta kajian. Justeru, kajian ini tidak mengkaji penglibatan dan kesediaan murid dalam mengikuti PdP berunsur KBAT.

1.7 Kepentingan Kajian

Saad dan Dollah, (2012) berpendapat keupayaan guru untuk mengembangkan pemikiran murid merupakan matlamat pendidikan yang penting dan sekolah dianggap sebagai tempat di mana kemahiran berfikir boleh dipertingkatkan. Bagi mencapai matlamat pengajaran berfikir, ia bergantung kepada banyak faktor yang kebanyakannya datang daripada guru. Setiap tingkah laku guru dalam bilik darjah banyak mempengaruhi pembelajaran murid. Ini menunjukkan bahawa guru memainkan peranan yang penting dalam pengajaran kemahiran berfikir. Oleh itu, banyak kajian telah dijalankan untuk mengkaji persepsi, pengaruh guru melalui kepercayaan dan amalan mereka yang akhirnya akan memberi kesan kepada pencapaian murid (Bakar, 2013; Othman, 2014; Gashan, 2015).

Kajian ini juga akan dapat memberi maklum balas tentang kesediaan GCS berkaitan KBAT. Input yang diperoleh melalui kajian ini akan membantu pihak KPM untuk menilai tahap kesediaan GCS untuk memanfaatkan ilmu mereka sebagai pakar rujuk kepada guru-guru Sejarah yang lain. Dapatan kajian juga akan dapat membantu guru-guru Sejarah secara amnya tentang cara pelaksanaan PdP berunsur KBAT dalam mata pelajaran Sejarah. Ini secara tidak langsung dapat membantu KPM untuk melahirkan golongan guru yang memiliki pengetahuan deklaratif, prosedural dan disposisi pemikiran yang positif berkaitan pelaksanaan KBAT. Bagi mencapai hasrat melahirkan lebih ramai GCS, hasil kajian ini pasti akan dapat menjadi sumber rujukan untuk meneroka teori dan tinjauan kajian berkaitan keberkesanan pengajaran seseorang GCS. Guru-guru dapat menghayati dan menyelami ilmu pedagogi Sejarah dan mempunyai sikap yang positif untuk melengkapkan dirinya dengan ilmu

Sejarah. Ia secara tidak langsung dapat meningkatkan disposisi pemikiran dalam kalangan guru Sejarah.

Untuk merealisasikan hasrat kerajaan iaitu mewajibkan kelulusan mata pelajaran Sejarah dalam Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 2013, pelbagai pihak perlu memainkan peranan. Antara yang utama ialah golongan GCS. Kepakaran GCS harus dimanfaatkan oleh guru-guru Sejarah yang memerlukan bimbingan dalam penyampaian pengajaran yang berkesan. Usaha ini harus disebar luas melalui langkah-langkah serta kaedah pengajaran yang akan dikenal pasti melalui kajian ini. Melalui input kajian ini, guru-guru akan dapat berkongsi idea demi meningkatkan kualiti pedagogi mata pelajaran berkaitan. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan prestasi mata pelajaran tersebut dalam peperiksaan dalaman secara amnya dan peperiksaan awam secara khususnya.

Dapatan kajian ini akan menjadi input yang berguna khususnya kepada guru-guru Sejarah untuk memanfaatkan kepakaran GCS ke arah memperkasakan mata pelajaran Sejarah. Seterusnya, dapatan kajian ini akan memberi input kepada KPM untuk memperkasakan aplikasi KBAT dalam mata pelajaran Sejarah. Justeru, mata pelajaran Sejarah dapat menjadi mata pelajaran yang diminati murid. Ini dapat merealisasikan hasrat kerajaan mewajibkan mata pelajaran Sejarah dijadikan mata pelajaran wajib lulus SPM mulai tahun 2013.

Melalui kajian ini, selain mengenal pasti kesediaan dan pelaksanaan KBAT, segala inovasi yang dipraktikkan oleh GCS boleh dikongsi bersama-sama dengan semua warga guru mata pelajaran Sejarah yang menghadapi masalah dalam menerapkan KBAT secara berkesan. Usaha ini boleh disalurkan melalui Portal Video e-GURU agar masalah guru yang dibincangkan di atas dapat diatasi. PdP berunsur KBAT dalam Sejarah yang berkesan boleh dimuat naik dalam Portal Video e-GURU sebagai bahan rujukan dan sumber maklumat kepada guru-guru Sejarah untuk dijadikan panduan PdP berkesan.

Kajian ini menggunakan Teori Kognitif Gagne, Teori Kognitif Bloom Versi Anderson dan Krathwohl (2001), Teori Konstruktivisme dan Teori Disposisi Pemikiran dalam menentukan hala tuju proses kajian. Kajian ini juga akan meneliti sejauh manakah teori-teori berkaitan membantu GCS dalam proses penerapan KBAT secara berkesan. Maka, hasil kajian ini akan membantu guru-guru Sejarah mengaplikasikan teori pembelajaran dan teori kognitif yang sesuai dalam perancangan pengajaran harian mereka. Dari segi kepentingan teori juga, kajian ini memberi input yang positif kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum untuk melakukan transformasi dalam kurikulum pendidikan Sejarah. Maka, buku teks keluaran terbaru menerusi semakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) menekankan KBAT dan KPS sebagai elemen utama. Teks dan aktiviti dalam buku teks akan lebih menekankan penggunaan domain kognitif pada aras tinggi.

1.8 Definisi Konseptual dan Operasional

Konsep yang digunakan dalam konteks kajian ini adalah tertakluk kepada definisi operasional yang berikut.

1.8.1 Kesiediaan Guru Cemerlang Sejarah

Menurut Baharom (2010), kesiediaan bermaksud perihal sedia, kesanggupan dan kerelaan. Kesiediaan bermaksud tahap kelengkapan seseorang untuk memenuhi keadaan dan menjalankan urutan tindakannya. Kesiediaan adalah berdasarkan ketelitian perancangan, kemahiran kognitif dan latihan seseorang berkaitan bidang tersebut (Norliza Brahim, 2012; Fakhri Abdul & Mohd Isha, 2016). Kesiediaan guru dalam melakukan sesuatu inovasi sistem pendidikan ialah mereka perlu memiliki ilmu pengetahuan, kemahiran pedagogi dan sikap yang sesuai untuk melakukan perubahan tersebut (Rajendran, 2001). Dalam konteks kajian ini, kesiediaan bermaksud kelengkapan pengetahuan GCS daripada aspek deklaratif, prosedural dan disposisi GCS dalam melaksanakan KBAT. Kesiediaan GCS juga merujuk kepada kesanggupan GCS untuk memikul tanggungjawab sebagai Guru Cemerlang yang berpengetahuan (deklaratif), berkemahiran (prosedural) dan disposisi pemikiran GCS terhadap pelaksanaan KBAT dalam PdP mata pelajaran Sejarah.

1.8.2 Pengetahuan Deklaratif

Pengetahuan deklaratif ialah pengetahuan fakta. Pengetahuan deklaratif adalah berorientasikan penegasan. Ia menerangkan objek dan peristiwa dengan menyatakan sifat dan ciri-cirinya (Jiamu, 2001). Pengetahuan deklaratif ditakrifkan sebagai sebahagian eksplisit dan pengetahuan tersebut digeneralisasikan dan digunakan secara fleksibel mengikut konteks tertentu (Yilmaz, 2012; Ullman, 2013). Dalam konteks kajian ini, pengetahuan deklaratif dimaksudkan dengan pengetahuan kandungan (content knowledge) guru berkaitan KBAT dan digunakan mengikut kesesuaian dalam PdP mata pelajaran Sejarah.

1.8.3 Pengetahuan Prosedural

Pengetahuan prosedural adalah mengetahui bagaimana untuk mengawal faktor relevan untuk menguji beberapa fenomena dengan melakukan tugas tertentu atau menyelesaikan sesuatu aktiviti. Pengetahuan prosedural juga bermakna mengetahui kaedah memanipulasi keadaan tertentu atau teknik untuk melaksanakan tugas (Rittle-Johnson & Schneider, 2015). Khashan (2014) mentakrifkan pengetahuan prosedural sebagai keupayaan individu menyelesaikan masalah dengan menggunakan prosedur dan peraturan berkaitan disiplin tertentu. Dalam konteks kajian ini, pengetahuan prosedural GCS yang dimaksudkan ialah kemahiran GCS yang disampaikan dalam bentuk perlakuan untuk menjalankan aktiviti PdP berunsur KBAT dan menjalankan aktiviti praktikal untuk membimbing guru lain melaksanakan KBAT serta menghasilkan bahan rujukan KBAT.

1.8.4 Disposisi Pemikiran

Salsali, Tajvidi dan Ghiyasvandian, (2013) mentakrifkan disposisi pemikiran sebagai kecenderungan dan motivasi dalaman (intrinsik) seseorang individu untuk menggunakan pemikirannya bagi menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Disposisi bermaksud kecenderungan dan ciri-ciri peribadi yang ditunjukkan dalam menghadapi sesuatu situasi. Menurut (Ghadi, Bakar & Njie (2015), disposisi pemikiran dilihat sebagai sikap terhadap pemikiran. Ia merangkumi konsisten kesediaan, motivasi, kecenderungan dan niat untuk terlibat dalam proses pemikiran untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Dalam konteks kajian ini, disposisi pemikiran dimaksudkan dengan sensitiviti, kecenderungan dan keupayaan GCS berkaitan PdP Sejarah berunsur KBAT. Sensitiviti dan kecenderungan GCS perlu untuk meneroka kepelbagaian kaedah pengajaran dan mengupayakan mereka melaksanakan KBAT secara berkesan.

1.8.5 Guru Cemerlang Sejarah

Guru Cemerlang Sejarah (GCS) merujuk kepada guru yang mempunyai pengetahuan, kemahiran, dan kepakaran yang tinggi dalam mata pelajaran Sejarah khususnya dalam bidang PdP. GC juga sentiasa berdedikasi dan bermotivasi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang cemerlang secara berterusan (Warner, 2016; Coe, Aloisi, Higgins & Major, 2014; Ahmad Yunus & Tamuri, 2010). Salah satu daripada bentuk pengiktirafan kepada guru-guru yang menunjukkan prestasi pengajaran terbaik dan cemerlang dalam melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan kerjayanya ialah dengan melantik GC (Said Rozita Radhiah, 2012). GC merupakan individu yang mempunyai kepakaran tinggi dalam mata pelajaran masing-masing (Warner, 2016; Derek, 2016; Reves, 2010). Dalam konteks kajian ini, GCS ialah guru yang telah membuat pengkhususan utama dalam mata pelajaran Sejarah semasa di pusat pengajian tinggi dan telah menunjukkan kecemerlangan dalam bidang pengajaran sehingga dilantik sebagai GC oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia di bawah peraturan 18(1), Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran.

1.8.6 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Menurut (Faragher & Huijser 2014; Puchta, 2011 dan Brookhart, 2010) kemahiran berfikir ialah keupayaan memindahkan kemahiran yang sudah dipelajari kepada situasi yang baharu. Menurut Plan (2014), kemahiran berfikir aras tinggi penting dalam proses meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah secara kritikal dan kreatif serta berupaya membuat rasionalisasi terhadap sesuatu keputusan. Shukla (2016) pula menegaskan bahawa pemikiran yang dihasilkan adalah kerana terdapat situasi keraguan atau masalah timbul. KBAT merupakan gabungan pemikiran kritis, kreatif dan logikal untuk menyelesaikan masalah kehidupan dengan menghubungkan idea baharu dalam konteks bukan rutin. Kemahiran berfikir aras tinggi juga merupakan keupayaan seseorang individu memindahkan maklumat mengikut situasi untuk menyelesaikan masalah (Faragher & Huijser, 2014; Abu Bakar, 2013; Bakar, 2013; Richland, 2015). KBAT ialah keupayaan untuk

mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Dalam konteks kajian ini, KBAT yang dimaksudkan adalah berdasarkan empat aras tertinggi dari Taksonomi Pembelajaran Bloom versi semakan Anderson (2001) iaitu aras aplikasi, analisis, menilai dan mencipta (KPM, 2012).

1.8.7 Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah

Sejarah bererti peristiwa yang terjadi dalam masyarakat manusia di masa lampau (Hamimi, 2013). Ibnu Khaldun pula, mendefinisikan ‘Sejarah’ sebagai catatan tentang masyarakat umat manusia atau peradaban dunia, tentang perubahan-perubahan yang terjadi pada watak masyarakat itu (Agus, 2009). Dalam konteks kajian ini, Sejarah dimaksudkan dengan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran teras di sekolah menengah berdasarkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Kandungan Sukatan Pelajaran Sejarah KBSM merangkumi aspek Kajian Sejarah Tempatan, Sejarah Negara Malaysia dan Sejarah negara luar yang berkaitan mengikut topik pembelajaran (Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah, 2001).

1.8.8 Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Pelaksanaan ialah menjalankan sesuatu amalan, kaedah, atau apa-apa reka bentuk, idea, standard atau dasar. Pelaksanaan PdP ialah satu siri tindakan atau prosedur bagi melaksanakan sesuatu pengajaran secara teratur, kemas dan sistematik. Pelaksanaan PdP merupakan satu siri tindakan guru yang sistematik bertujuan untuk mencapai objektif pengajaran yang ditetapkan (Grant, Dean, Centre, & Losco, (2013). Dalam konteks kajian ini, pelaksanaan KBAT membawa maksud pendekatan pedagogi merangkumi kaedah dan ciri-ciri KBAT yang diaplikasikan oleh GCS untuk menerapkan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah.

1.8.9 Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran

Kaedah PdP ditakrifkan sebagai pendekatan pedagogi yang diaplikasikan oleh guru untuk mencapai objektif pembelajaran berdasarkan kurikulum yang ideal (Grant, Dean, Centre, & Losco, 2013). Kaedah membawa maksud perancangan atau prosedur bagi melaksanakan sesuatu pengajaran secara teratur, kemas dan sistematik. Kaedah merupakan satu siri tindakan guru yang sistematik bertujuan untuk mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan. Ia bercorak jangka pendek dan merupakan usaha keseluruhan daripada prosedur tersusun berdasarkan pendekatan yang dipilih (Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub, Mohd Zohir Ahmad, 2007). Dalam konteks kajian ini, kaedah PdP merujuk kepada kaedah pedagogi mata pelajaran Sejarah yang digunakan oleh guru untuk menyampaikan ilmu berkaitan Sejarah kepada murid berdasarkan Sukatan Pelajaran Sejarah KBSM.

1.9 Rumusan

Berdasarkan kupasan dan analisis maklumat daripada latar belakang kajian dan pernyataan masalah, pengkaji akan mengkaji kesediaan GC dalam tiga elemen utama yang dibincangkan iaitu pengetahuan deklaratif, pengetahuan prosedural, disposisi pemikiran manakala pelaksanaan KBAT akan dikaji melalui aplikasi ciri-ciri KBAT serta kaedah pengajaran dalam melaksanakan KBAT. Sehubungan itu, kajian ini ialah satu kajian yang sesuai mengikut keperluan dasar pendidikan semasa. Kumpulan sampel daripada kalangan GCS dipilih dengan harapan akan memberi input berkesan daripada segi kesediaan mereka berdasarkan pengetahuan, disposisi dan kepelbagaian kaedah pengajaran berunsur KBAT. Maka, input yang diperoleh daripada kajian ini sememangnya akan membantu warga guru Sejarah secara khususnya dan semua guru secara amnya untuk meningkatkan kualiti PdP berunsur KBAT demi memenuhi hasrat KPM melahirkan generasi murid yang berfikiran kritis, kreatif dan inovatif.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Jamian, Shamsudin Othman dan Humaizah Hashim, (2012). Persepsi guru terhadap penggunaan kartun dalam penulisan esei Bahasa Melayu. *Journal pendidikan Bahasa Melayu (MyleJ)* ms 129-140.
- Abdul Said Ambotang. (2014). Menerapkan Kemahiran Berfikir. *Berita Harian*, 5.3.14.
- Abu Bakar Nordin. (2013). Kurikulum Ke Arah Penghasilan Kemahiran Berfikir Kritis, Kreatif dan Inovatif. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1, 10–18.
- Agus, A., & Saleh, M. J. (2009). Kreativiti Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. *Transformasi Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah*, 1–12.
- Ahamad b. Rahim, Azwani b. Ismail, Abdul Razaq b. Ahmad, Zaharabt Aziz, S. N. P. (2011). Kurikulum Sejarah ke Arah Pembentukan Perpaduan Kaum di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 1, 1–17.
- Ahmad Yunus Kasim, & Tamuri, A. H. (2010). Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah: Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 13–30.
- Ahmad, S. (2009). PhD Research Proposal: An Investigation of Teachers' Readiness Towards School Based Assessment Scheme in Selected Malaysian Teacher Training Institutes. Paper presented by: Mr. Shanusi Ahmad 1. *Focus*, 1–10.
- Alias.M.S., Nik Mohd. Rahimi.N.Y., Ruhizan. M. Y. (2011). Kajian Kerelevenan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Dengan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian, *AJTLHE*. 3(2), 60–70.
- Allen, S. H. L., & Wern, L. E. (2011). Involvement of Higher Order Thinking Skills Within a Preparatory Course for The Malaysia University English Test. *The English Teacher*, XL, 95–112.
- Amabile, T. M., and Mueller, J. S. (2008). Studying creativity, its processes, and its antecedents: An Exploration of The Componential Theory of Creativity. Chapter in J. Zhou and C. E. Shalley (Eds), *Handbook of Organizational Creativity*. New York: Lawrence Erlbaum Associates.
- Anderson, J. R. (2005). *Cognitive psychology and its implications*. New York, Worth Publishers.
- Anderson, L. W. & Krathwohl, D. R. (2001). *A Taxonomy for Learning, Teaching and Assessing*: New York. Longman Publishing.

- Andrade, A., & Tishman, S. (1994). Thinking Dispositions: A review of current theories, practices, and issues Part One: Overview of Recent Work in the Field, 10.
- Anuar Ahmad, & Nelson Jingga. (2015). Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru Dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil 3(2), 1–11.
- April, M. (2016). Impact of Higher Order Thinking Skills Of University Students On March - April, 28(2), 2031–2035.
- Awang, M. M., Ahmad, A. R., Yakub, N. M., & Seman, A. A. (2016). Historical Thinking Skills among Pre-Service Teachers in Indonesia and Malaysia, (January), 62–76.
- Azalina. (2013). Konteks, Input, Proses Dan Hasil Penggunaan Kaedah Ilustrasi Komik Terhadap Pelajar Tingkatan Empat Dalam Papar: Satu Kajian Kes., 2013, 29–30.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2012). Membudayakan Kemahiran Berfikir, 70. Retrieved from <http://www.moe.gov.my/bpk>
- Baharom, N. (2010). Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Bakar, N. (2013). Kemahiran Berpikir Aras Tinggi di Kalangan Guru Matematik Sekolah Menengah Pertama di Kota Makassar, (Isqae), 172–175.
- Bakir, S. (2015). Critical Thinking Dispositions of Pre-Service Teachers, 10(2), 225–233. doi:10.5897/ERR2014.2021
- Barak, M. (2014). Closing the Gap Between Attitudes and Perceptions About ICT-Enhanced Learning Among Pre-service STEM Teachers. *Journal of Science in Education and Technology*, 23(1), 1–14. <https://doi.org/10.1007/s10956-013-9446-8>
- Barton, K. C. (2012). History: From Learning Narratives to Thinking Historically. In W. B. Russell (Ed.), *Contemporary Social Studies: An Essential Reader* (pp. 109-139). Charlotte, NC: Information Age Publishing.
- Bogdan, R., & Biklen, S. (2003). Qualitative research in education. An Introduction to Theory and Methods, 110–120. Retrieved from <http://www.eric.ed.gov/ERICWebPortal/recordDetail?accno=ED419813>
- Breakstone, J., & Smith, M. (2013). The TPS Journal - Assessing Historical Thinking Skills Using Library of Congress Primary Sources, 1–8.

- Brookhart, S. (2010). How to Assess Higher Order Thinking Skills In Your Classroom. ASCD. Retrieved on 18 June 2015
- Brooks, S. (2013). Teaching for Historical Understanding in the Advanced Placement Program: A Case Study. *The History Teacher*, 47, 61-77.
- Budsankom, P., Sawangboon, T., Damrongpanit, S., & Chuensirimongkol, J. (2015). Factors affecting higher order thinking skills of students: A meta-analytic structural equation modeling study. *Educational Research and Reviews*, 10(19), 2639–2652. <http://doi.org/10.5897/ERR2015>.
- Buzan, T. (2002). *How to Mind Map: The Ultimate Thinking Tool That Will Change Your Life*. London: Thorson. pp. 6.
- Bvalles. (2007). Socratic Questioning Techniques, 1–6. <http://doi.org/10.1037/027900>
- Cavus, N., & Uzunboylu, H. (2009). Improving critical thinking skills in mobile learning. *Soins Aides-Soignantes*, 1(1), 434–438. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2009.01.078>
- Chen Jiamu. (2001). The Great Importance of The Distinction Between Declarative and Procedural Knowledge. *AnalisePsicologica*, 4, 559–566.
- Coe, R., Aloisi, C., Higgins, S., & Major, L. E. (2014). What makes great teaching? Review of the underpinning research, (October).
- Congress, L. (2013). The TPS Journal - Assessing Historical Thinking Skills Using Library of Congress Primary Sources, 1–8.
- Connie, S. L. (2006). Approaches to Evaluate Critical Thinking Dispositions, (November), 1–8.
- Copriady, J. (2014). Self-Motivation as a Mediator for Teachers' Readiness in Applying Ict in Teaching and Learning, 13(4), 115–123.
- Creswell, J. W. (2003). *Research design: Qualitative, Quantitative, And Mixed Methods Approaches*, Sage Publications, University of Nebraska, London
- Demirhan, E., Beşoluk, Ş., & Önder, İ. (2011). The Change in Academic Achievement and Critical Thinking Disposition Scores of Pre-Service Science, (2003), 403–406.
- Dikko, M. (2016). Establishing construct validity and reliability: Pilot testing of a qualitative interview research in Takaful (Islamic insurance). *The Qualitative Report*, 21(3), 521-528. Retrieved from <http://nsuworks.nova.edu/tqr/vol21/iss3/6>

- Dungsungnoen, A. P. (2016). Students Perceived Level and Teachers Teaching Strategies of Higher Order Thinking Skills; A Study on Higher Educational Institutions in Thailand, 7(12), 211–219.
- Emir, S. (2013). Contributions of teachers' thinking styles to critical thinking dispositions (Istanbul-Fatih Sample). *Educational Sciences: Theory & Practice*, 13(1), 337–347. Retrieved from <http://ezp.lib.ttu.edu/login?url=http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=a9h&AN=85466205>
- Facione, P. A., Facione, N. C., & Giancarlo, C. A. (2000). The disposition towards critical thinking: Its character, measurement, and relationship to critical thinking skill. *Informal Logic*, 20(1), 61–84.
- Faragher, L., & Huijser, H. (2014). Exploring evidence of higher order thinking skills in the writing of first year undergraduates. *The International Journal of the First Year in Higher Education*, 5(2), 33–44. <http://doi.org/10.5204/intjfyhe.v5i2.230>
- Faridah Awang. (2014). “Moving up , but not moving out ”: A policy ecology of the Excellent Teacher Program / Scheme in Malaysia.
- Faridah Darus, Rohaida Mohd Saat, & Abd. Razak Zakaria. (2013). Transformasi Guru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Mengenai Kemahiran Membuat Hipotesis Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil 1, 47–57. Francisco: Jossey-Bass.
- Francis, J. J., Johnston, M., Robertson, C., Entwistle, V., Eccles, M. P., & Jeremy, M. (2010). What is an adequate sample size ? Operationalising data saturation for theory-based interview studies, (February 2012), 37–41.
- Fusch, P. I, & Ness, L. R. (2015). Are we there yet? Data saturation in qualitative research. *The Qualitative Report*, 20(9), 1408–1416. Retrieved from <http://www.nova.edu/ssss/QR/QR20/9/fusch1.pdf>
- Gagne, R. (1985). *The Conditions of Learning* (4th Ed.). New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Gagne, R., Briggs, L. & Wager, W. (1992). *Principles of Instructional Design* (4th Ed.) Fort Worth, TX: HBJ College Publishers.
- Gashan, A. K. (2015). Exploring Saudi Pre-service Teachers' Knowledge of Critical Thinking Skills and their Teaching Perceptions. *International Journal of Education and Literacy Studies*, 3(1). <http://doi.org/10.7575/aiac.ijels.v.3n.1p.26>

- Ghadi, I. N., Bakar, K. A., & Njie, B. (2015). Influences of Critical Thinking Dispositions on Critical Thinking Skills of Undergraduate Students at a Malaysian Public University. *Journal of Educational Research and Reviews*, 3(2), 23–31. <http://doi.org/10.13140/RG.2.1.2648.4328>
- Goethals, Poul L. (2013). The pursuits of higher order thinking in mathematics classrooms: A review, A dissertation submitted for the partial fulfillments of master teacher program- 2 years' faculty professional development program conducted for the faculty excellence. United States Military Academy.
- Goodson, L., & Rohani, F. (1998). Higher Order Thinking Skills • Definition • Teaching Strategies • Assessment. *Thinking*, 18, 458. Retrieved from http://www.cala.fsu.edu/files/higher_order_thinking_skills.pdf
- Grant, W., Dean, A., Centre, U. M., & Losco, C. D. (2013). Effective Methods of Teaching and Learning in Anatomy as a Basic Science: A Systematic Review.
- Guest, G., Bunce, A., & Johnson, L. (2012). How Many Interviews Are Enough? An Experiment with Data Saturation and. <https://doi.org/10.1177/1525822X05279903>
- Hamimi, K. A. B. (2013). Kemahiran Pelestarian Pemikiran Dalam Pendidikan Sejarah. *Seminar Pendidikan Sejarah Dan Geografi*, 2013, 29–30.
- Hanani, H., Aderi, C.N., & Tamuri, H. (2013). Elemen Mengenali Murid dalam Pengajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam, *The Online Journal of Islamic Education*. Volume 1, Issue 2.
- Hashim, M. H. M., & Kasbolah, M. (2012). Application of Needham's Five Phase Constructivism Model in (Civil, Electrical and Mechanical) Engineering Subject at Technical Secondary School. *Journal of Education and Learning*, 1(1), 117–128. <http://doi.org/10.5539/jel.v1n1p117>
- Hashim, R. (2013). Memenuhi Aspirasi Kemahiran Berfikir dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menerusi inkuiri dan pedagogi filosofiyyah dalam kalangan guru 1, 1–10.
- Hassan, N. J., Kassim, N., Bari, S., Zakaria, E., & Mohamad, N. (2010). Infusi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Murid BermasalahPenglihatan, 1–13.
- Hassan, S. R., Rosli, R., & Zakaria, E. (2016). The Use of i-Think Map and Questioning to Promote Higher-Order Thinking Skills in Mathematics, (May), 1069–1078.
- Hattie, J. (2003). Teachers Make a Difference What is the research evidence? *Lloydia Cincinnati*, 12 (2002), 1–17. Retrieved from http://www.annedavies.com/pdf/19C_expert_teachers_hattie.pdf

- Hobson, K., & Hill, A. (2010, Forthcoming). Cultivating citizen-subjects through collective praxis: Organized gardening projects in Australia and the Philippines. In T. Lewis & E. Potter (Eds.) *Consuming Ethics*. London: Routledge.
- Hoque, K. E., Zabidi, A., & Razak, A. (2012). Excellent Teachers and Their Job Satisfactions : an Analysis at Malaysia ' s Standpoint, 1(4), 1–16.
- Houston, M. (2016). The ethics of research in the social sciences: an overview, (September).
- Howard Gardner. (2010). Multiple intelligences. <http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=eric&AN=ED501311&site=ehost-live&scope=site>
- Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah. (2001). Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Huraian Sukatan Pelajaran. Pusat Perkembangan Kurikulum: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Husbands, C., & Pearce, J. (2012). What makes great pedagogy? Nine claims from research Autumn 2012 Great pedagogy: nine claims from research.
- Hussein, A. (2009). The use of Triangulation in Social Sciences Research: Can qualitative and quantitative methods be combined? *Journal of Comparative*
- Ibrahim, N., Aziz, A.H.A., and Nambiar, R.M. (2013). What Master Teachers do: A case study of planning, facilitating, role modelling and developing materials. *International Education Studies*, 6(6), 86-94.
- Intel Teach Program. (2007). Designing Effective Projects: Questioning the Socratic Questioning Technique, 1–3. Retrieved from <http://www.intel.com/content/dam/www/program/education/us/en/documents/project-design/strategies/dep-question-socratic.pdf>
- Jabar, B. (2010). Pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pengajaran Guru-guru Sejarah: SatuKajianKes di Daerah Hilir Perak.
- Jaganathan, P. (2016). Incorporating higher order thinking skills in task-based learning for Malaysian undergraduates, 3(2), 274–288.
- Jawarneh, T. (2013). Life Skills teachers' readiness for their role: implications for Higher Education. *Learning and Teaching in Higher Education: Gulf Perspectives* 10(1).
- Jemaah Nazir Sekolah. (2007). *Terma Rujukan Konsep Guru Cemerlang*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jemaah Nazir Sekolah. (2007). *Panduan Pengurusan dan Pengajaran Sejarah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia

- Jemaah Nazir Sekolah (2003). Standard Kualiti Pendidikan Malaysia-Sekolah. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jiamu, C. (2001). The Great Importance Of The Distinction Between Declarative And Procedural Knowledge. *Analise Psicologica*, 4, 559–566.
- Jones, A. (2007). Changing the Past to Build the Future History Education in post-Mao China.
- Julie (Athman) Ernst & Martha Monroe (2004) The effects of environment- based education on students' critical thinking skills and disposition toward critical thinking, *Environmental Education Research*, 10:4, 507-522, DOI: 10.1080/1350462042000291038
- Kamarudin, M. Y., Yusoff, N. M. R. N., Yamat@Ahmad, H., & Ghani, K. A. (2016). Incultation of Higher Order Thinking Skills (HOTS) in Arabic Language Teaching at Malaysian Primary Schools. *Creative Education*, (7), 307–314. <http://doi.org/10.4236/ce.2016.72030>
- Karagöl, İ., & Bekmezci, S. (2015). Investigating Academic Achievements and Critical Thinking Dispositions of Teacher Candidates. *Journal of Education and Training Studies*, 3(4), 86–92. doi:10.11114/jets.v3i4.834
- Kaur, T., & Singh, R. (2014). International Journal of Asian Social Science Teacher Readiness OnIct Integration In Teaching-Learning: A Malaysian Case Study Samli Chan Contribution / Originality, 4(7), 874–885.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). Standard Kualiti Pendidikan Malaysia. Putrajaya: Jemaah NazirdanJaminanKualiti, ISBN 978-983-9661-20-0.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2025. doi: 10.1016/j.tate.2010.08.007
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, 177.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Pembelajaran Abad Ke-21: Amalan Dan Pelaksanaan Di Sekolah. *Jurnal Pendidikan*, 4, 2013–2016.
- Khairul. (2014). Tahap Kesianaan Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru Dalam Latihan Mengajar. <http://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Khalil, N.(2009). Approaches to Teaching Thinking: The Perceptions Of Inservice And PreserviceTesi Teachers In Institute Of Education, A Dissertation Submitted In Partial Fulfilment Of The Requirements For The Degree Of Master Of Education.

- Khashan, D. K. H. (2014). Conceptual and Procedural Knowledge of Rational Numbers for Riyadh Elementary School Teachers. *Journal of Education and Human Development*, 3(4), 181–197. <http://doi.org/10.15640/jehd.v3n4a17>
- Kimaliro, E. N. (2015). Teachers' Professional Identity in the Context of Education Change Within Trans Nzoia East District, Kenya.
- King, FJ., Goodson, Ludwika., Rohani, Faranak, (2012). Higher Order Thinking Skills. A Publication of the educational Service Program. Center for the Advancement of Learning and Assessment.
- Korthagen, F. a. J. (2009). *Teaching Practices, Teachers' Beliefs and Attitudes. Creating Effective Teaching and Learning Environments: First Results from TALIS*. <http://doi.org/ORG/10.1787/607814526732>
- Kourieos, S. (2016). Video-mediated microteaching-A stimulus for reflection and teacher growth. *Australian Journal of Teacher Education*, 41(1), 65–80.
- Lai, E. R. (2011). Critical thinking: A literature review. *Critical Thinking*, (June), 1–49. Retrieved from <http://images.pearsonassessments.com/images/tmrs/CriticalThinkingReviewFINAL.pdf>
- Lam, F. (2011). The Socratic Method as an approach to learning and its benefits. *Dietrich College Honors Theses*, 51. Retrieved from http://repository.cmu.edu/hsshonors/?utm_source=repository.cmu.edu%252Fhsshonors%252F134&utm_medium=PDF&utm_campaign=PDFCoverPages
- Limbach, B., & Waugh, W. (2010). Developing Higher Level Thinking. *Journal of Instructional Pedagogies*, 9. Retrieved from <https://aabri.com/manuscripts/09423.pdf>
- López, J., & Whittington, M. S. (2014). Higher-order thinking in a college course: A case study. *NACTA Journal*, 58(1), 73–81. Retrieved from <http://search.proquest.com.lopes.idm.oclc.org/docview/1508545110>
- Madhuri, G. V, Kantamreddi, V. S. S. N., & Goteti, L. N. S. P. (2012a). European Journal of Engineering Promoting higher order thinking skills using inquiry-based learning, (June 2015), 37–41. doi:10.1080/03043797.2012.661701
- Mansor, N. R. (2009). *Soalan Dan Penyoalan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors
- Marohaini Yusof. (2001). *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Marshall, J. (2012). A small scale study to explore the perceptions of teachers and students in the development of independent and critical thinking skills MA in Education (by research), (April).
- Marvasti, A. B., & Flick, U. (2016). Analysing Observations, 354–366.
- Mauigoa-Tekene, L. (2006). Enhancing Teachers' Questioning Skills to Improve Children's Learning and Thinking in Pacific Island Early Childhood Centres LILA MAUIGOA-TEKENE. *ReCALL*, 3(1), 12–23.
- Mei, Y., Yunos, J., Othman, W., Hassan, R., & Tze, T. (2012). The needs analysis of learning higher order thinking skills for generating ideas, 59, 197–203. <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.09.265>
- Merriam, S. B. (1998). Qualitative research and case study applications in education. Jossey-Bass Publishers: San Francisco
- Merriam, S.B. (2002). Introduction to qualitative research. In S.B. Merriam (Ed.) *Qualitative research in practice: Examples for discussion and analysis* (pp. 3-17). San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Merriam, S.B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Miles, M. B., Huberman, M., & Saldaña, J. (2014). Designing Matrix and Network Displays. *Qualitative Data Analysis a Methods Sourcebook*, 107–119.
- Munzenmaier, C., & Rubin, N. (2013). Perspectives Bloom' S Taxonomy: What' s Old Is New Again.
- Murray, D. R., & Murray, D. R. (2013). Exploring Three Fifth-Grade Teachers' Understanding of Historical Thinking: A Case Study by.
- Murry, K. (2012). Cognitive Development, Global Learning, and Academic Progress: Promoting Teacher Readiness for CLD Students and Families. *Journal of Curriculum and Instruction*, 6(1), 11–24
- National Education Association. (2014). Preparing 21st Century Students for a Global Society: An Educator' s Guide to the "Four Cs," 1–38.
- Neumann, D. (2012). Training teachers to think historically: applying recent research to professional development. *The History Teacher*, 45(3), 383–403. http://www.societyforhistoryeducation.org/pdfs/M12_Neumann.pdf
- Nik Aziz Nik Pa. (1999). Pendekatan konstruktivisme radikal dalam Pendidikan Matematik. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Nooriza Kassim, & Effandi Zakaria. (2015). Integrasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik: Analisis Keperluan Guru. *Proceeding of Education Graduate Regional Conference*, (1990), 60–67.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Malaysia: McGraw - Hill Sdn. Bhd.
- Norliza Hj Brahim. (2012). *Kesediaan Guru Melaksanakan Pembelajaran Berasaskan Projek di Sekolah*. Universiti Putra Malaysia, Serdang. Tidak diterbitkan.
- Nyback, M. (2013). A constructivist approach to teaching and learning at the Degree Programme in Nursing at Novia University of applied sciences, A constructivist approach to teaching and learning at the degree programme in nursing at novia university of applied sciences, 1–20.
- Olusegun, S. (2015). Constructivism Learning Theory: A Paradigm for Teaching and Learning. *IOSR Journal of Research & Method in Education Ver. I*, 5(6), 2320–7388. <http://doi.org/10.9790/7388-05616670>
- Omardin Ashaari, & Yunus Muhamad. (1996). *Kaedah pengajaran Sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan.
- Othman, N., & Mohamad, K. A. (2014). Thinking skill education and transformational progress in Malaysia. *International Education Studies*, 7(4), 27–32. doi:10.5539/ies.v7n4p27
- Peperiksaan, L. (2013). 11 anjakan yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025, 1–25.
- Perkins, D.N., Jay, E., & Tishman, S. (1993). Beyond abilities: A dispositional theory of thinking. *Merrill-Palmer Quarterly: Journal of Developmental Psychology*, 39(1): 1-21.
- Plan, Q. E. (2014). Improving students' higher-order thinking competencies, including critical evaluation, creative thinking, and reflection on their own thinking., (January).
- Puchta, H. (2007). More than little Parrots: Developing Young Learners' Speaking Skills. www.Herbert_puchta.com.
- Puchta, H. and Williams, M. (2011) *Teaching Young Learners to Think*. Innsbruck and Cambridge: Helbling Languages and Cambridge University Press
- Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Memperkembang Potensi Individu. Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat Dan Misi*. doi: ISBN 983234373

- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). Pembelajaran secara konstruktivisme. Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001a). Kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran. Kementerian Pendidikan Malaysia, 109.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001b). Pembelajaran Secara Konstruktivisme (p. 46).
- Rahim., A., & Said, S. (2007). Pelaksanaan kurikulum sejarah menengah rendah di Malaysia – satu penilaian, (1987).
- Rajendran, N. (2001). Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Kesediaan Guru Mengendalikan Proses Pengajaran Pembelajaran. Kertas Kerja Ini Telah Dibentangkan Rajendran, N. S. (2000). Kesusasteraan Sebagai Wahana Mengajar Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.
- Rajendran, N.S. (2013). Teaching & Acquiring Higher-Order Thinking Skills: Teory & Practice. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rajendran, Nagappan. (1998). Teaching higher-order thinking skills in language classrooms in Malaysia: The teachers' dilemmas. Inaugural conference of the Malaysian Educational Research Association, Penang, Malaysia.
- Rajendran, Nagappan. (1998a). Teaching higher-order thinking skills in language classrooms: The need for transformation of teaching practice. Unpublished Doctoral Dissertation, Michigan State University, East Lansing, USA.
- Rajendran, Nagappan. (1998b, April). Teaching higher-order thinking skills in language classrooms in Malaysia: The teachers' dilemmas. Inaugural Conference of the Malaysian Educational Research Association, Malaysia.
- Rajendran, Nagappan. (2000). Teaching higher-order thinking skills in classrooms: Learning from the experiences of Malaysia. Paper presented at the Thinking Qualities Initiative Conference Hong Kong 2000, Hong Kong.
- Rajendran, Nagappan. (2000, April). Language teaching and the enhancement of higher-order thinking skills. Key-note paper presented at the 35th International Conference on 'Language curriculum and instruction in multicultural societies', SEAMEO Regional Language Centre, Singapore.
- Rajendran, Nagappan. (2000, June). Teaching higher-order thinking skills in classrooms: Learning from the experiences of Malaysia. Paper presented at the Thinking Qualities Initiative Conference Hong Kong 2000' at Hong Kong Baptist University, Hong Kong.

- Rajendran, Nagappan. (2001, January). Teaching higher-order thinking skills in language classrooms: The need for transformation of teaching practice. Paper presented at the 9th International Conference on Thinking, Auckland, New Zealand.
- Reeves, J., Redford, M., & McQueen, I. (2010). Practitioner research and excellence in teaching. *Scottish Educational Review*, 42(2), 74–88.
- Richardson, V. (2003). Constructivist Pedagogy. *Teachers College Record*, 105(9), 1623–1640. <http://doi.org/10.1046/j.1467-9620.2003.00303.x>
- Richland, L. E., & Simms, N. (2015). Analogy, higher order thinking, and education. <http://doi.org/10.1002/wcs.1336>
- Rittle-Johnson, B., & Schneider, M. (2015). Developing conceptual and procedural knowledge of mathematics. *Oxford Handbook of Numerical Cognition*, 1118–1134. <http://doi.org/10.1093/oxfordhb/9780199642342.013.014>
- Rosnani Hashim. (2003). Malaysian Teachers' Attitudes, Competency and Practices in the Teaching of Thinking. *Intellectual Discourse*.
- Rosnani Jusoh. (2012). Effects of Teachers' Readiness in Teaching and Learning of Entrepreneurship Education in Primary Schools. *International Interdisciplinary Journal of Education*, 1(7), 98–102. <http://doi.org/10.12816/0002885>
- Rozali, A. J. & W. H. W. (2013). Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi 2013 (UMS, 29 – 30 Ogos 2013). *Seminar Pendidikan Sejarah Dan Geografi, 2013*, 29–30.
- Ruff, L. G. (2005). The Development of critical Thinking Skills and Dispositions in First Year College Students: Infusing Critical Thinking Instructions into A First-Year Transitions Course.
- Saad, S., Saad, N. S., & Dollah, M. U. (2012). Pengajaran Kemahiran Berfikir: Persepsi Dan Amalan Guru Matematik Semasa Pengajaran Dan Pembelajaran Di Bilik Darjah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 2(1), 18–36.
- Saharia, I. (2015). Pembangunan Insan Dalam Falsafah, 8(2), 83–100. Kolej Universiti Islam Melaka.
- Said, I. B. (2014). Kaedah pengajaran sejarah. Puchong: Penerbitan Multimedia.
- Said, Rozita Radhiah (2012) Penyampaian lisan dalam pengajaran karangan Guru Cemerlang Bahasa Melayu untuk murid-murid tingkatan empat. PhD thesis, Universiti Putra Malaysia.

- Saidin, Dali & Ambotang (2016). Peranan Guru Cemerlang Malaysia di Sekolah, 161–177.
- Saido, G. A. M., Siraj, S., Nordin, A. B., & Al-Amedy, O. S. (2015). Teaching Strategies for Promoting Higher Order Thinking Skills: A Case of Secondary Science Teachers. *Malaysian Online Journal of Educationla Management (MOJEM)*, 3(4), 16–30.
- Saldaña, J. (2015). *The Coding Manual for Qualitative Researchers*. Sage Publications: Los Angels
- Salsali, M., Tajvidi, M., & Ghiyasvandian, S. (2013). Critical thinking dispositions of nursing students in Asian and non-Asian countries: a literature review. *Global Journal of Health Science*, 5(6), 172–8. <http://doi.org/10.5539/gjhs.v5n6p172>
- Saul, C., & Wuttke, H.-D. (2011). Personalized assessment of higher-order thinking skills. In *CSEDU 2011 - Proceedings of the 3rd International Conference on Computer Supported Education (Vol. 2, pp. 425–430)*.
- Seng, T. C., & Arshad, M. Y. (2008). Penyoalan dalam kelas pengajaran Sains. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd. Zohir Ahmad (2007) dalam Said, Rozita Radhiah (2012) Penyampaian lisan dalam pengajaran karangan Guru Cemerlang Bahasa Melayu untuk murid-murid tingkatan empat. PhD thesis, Universiti Putra Malaysia.
- Sharuji, W., N., S., & Mohd Nordin, N. (2017). Kesediaan Guru dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *Simposium Pendidikan diPeribadikan: Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017)*.
- Singh, R.T., & Chan, S. (2014). *International Journal of Asian Social Science Teacher Readiness OnIct Integration in Teaching-Learning: A Malaysian Case Study*, 4(7), 874–885.
- Subadrah Nair & Malar Muthiah. (2005). Penggunaan model konstruktivisme lima fasa Needham dalam pembelajaran sejarah. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 20: 21-41.
- Supramani. (2006). Penyoalan Guru: Pemangkin Pemikiran Aras Tinggi Murid. *Jurnal Pendidikan Universiti Malaya*, 225–247.
- Susan, M.B. (2010). *How to Assess Higher-Order Thinking Skills in Your Classroom*. Alexandria: Association for Supervision & Curriculum Development.
- Swartz, R. (2010). *Defining Teaching Excellence: A Phenomenological Study of Seven Nationally Recognized Secondary Educators*, 1–88.

- Swartz, R., & McGuinness, C. (2014). Developing and Assessing Thinking Skills. Final Report Part 1, (February).
- Talin, R. (2011). An investigation of the teaching and learning practices of History in secondary schools: A case study.
- Tan, S. Y., & Halili, S. H. (2015). Effective Teaching of Higher-Order Thinking (HOT) in Education. *The Online Journal of Distance Education and E-Learning*, 3(2), 41–47.
- Teijlingen, E. R. Van. (2017). The Importance of Pilot Studies, (June 2002). <https://doi.org/10.7748/ns2002.06.16.40.33.c3214>
- Tengku Zawawi Tengku Zainal; Ramlee Mustapha and Abdul Razak Habib. (2009). Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan Guru Matematik bagi Tajuk Pecahan: Kajian Kes di Sekolah Rendah (Pedagogical Content Knowledge of Mathematic Teachers on Fraction: A Case Study at Primary Schools). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 131–153.
- Tishman, S., Perkins, D. and Jay, E. (1995) *The Thinking Classroom: Learning and teaching in a culture of thinking*. Boston, MA: Allyn& Bacon.
- Tsui, A. B. M. (2003). Characteristics of Expert and Novice Teachers. *Understanding Expertise in Teaching: Case Studies of Second Language Teachers*, 22–41.
- Ullman, M. T. (2013). The role of declarative and procedural memory in disorders of language. *Linguistic Variation*, 13(2), 133–154.
- Vaismoradi, M., Jones, J., Turunen, H., & Snelgrove, S. (2016). Theme development in qualitative content analysis and thematic analysis, 6(5). <https://doi.org/10.5430/jnep.v6n5p100>
- Vargo, S. P. (2012). Teaching by Debate, 78(2004), 52–55.
- Varol, V. (2011). Teacher educators perceptions about teacher dispositions, 1–126. Retrieved from <http://diginole.lib.fsu.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=6767&context=etd>
- Veness, D. (2010). “As simple as possible”: the bones of curriculum design, 1002–1006.
- Vesely, R. (2011). Thinking smaller in 2011. Insurers Expect Lower Profits as They Cope with Higher Costs, New Regulations. *Modern healthcare* (Vol. 41).
- Warner, C. K., & Warner, C. K. (2016). Contested Definitions of Excellent Teaching an Analysis of the Discourse of Quality, (2004), 20–36.
- Webber, J. (2013). Character , Attitude and Disposition, 1–26.

- Yilmaz, İ. (2012). The Relationship of Procedural and Declarative Knowledge of Science Teacher Candidates in Newton's Laws of Motion to Understanding, 2(3), 50–56.
- Yin, R. K., (2003). *Case study research: Design and methods* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Zahara Aziz, & Nurliah Jair. (2009). Penggunaan Peta Konsep untuk Meningkatkan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah bagi Pelajar Tingkatan Dua (The Use of Concept Maps in Improving Achievement in The Subject of History for Form Two Students). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 3–15. Retrieved from [http://www.ukm.my/jurfpending/journal/vol 34 2009/pdf/BAB \[1\].pdf](http://www.ukm.my/jurfpending/journal/vol%2034%202009/pdf/BAB%20%5B1%5D.pdf)
- Zahara Aziz, N. A. (2007a). Kajian Tinjauan Kesiapan Guru-guru Sejarah Menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah kepada Para Pelajar. *Pendidikan*, 32, 119–137.
- Zamri Mahamod & Nor Razah Lim. (2011). Keperibagaian Kaedah Penyoalan Lisan Dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu: Kaedah Pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*; 1(1), 51–65. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/2540/>
- Zanaton Iksan, & Esther Gnanamalar Sarojini Daniel. (2012). Corak Aliran Penyoalan Lisan Guru dalam Proses Pengajaran bagi Tajuk Elektrokimia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 37(1), 57–67.
- Zulkarami, J. (2011). Pelaksanaan kemahiran berfikir secara kreatif dalam pengajaran di Institut Perguruan. *Universiti Teknologi Malaysia*.